

Alahan punca resdung

Metro 22/1/12/MS 4.



PERUNDING ENT

Dr Samril Bokari


Pakar Telinga, Hidung dan Tekak
Pusat Perubatan Kelana Jaya

Resdung bukan penyakit tetapi gejala penyakit yang mesti diselidiki dengan tepat untuk mengetahui penyebab bagi rawatan sepatutnya.

Apabila seseorang mengalami alahan, daging yang bertindak sebagai penapis udara di dalam hidung akan membengkak.

sinus menjadi pekat dan basi, tiub dimasukkan untuk mencuci dan menyedutnya keluar.

Pada peringkat lebih serius, pembedahan kecil terpaksa dilakukan yang mana bibir atas terpaksa dipotong untuk mengeluarkan daging yang tersumbat di dalam sinus.



KAWASAN SENSITIF...
bahagian muka yang sering menghadapi masalah resdung.

ADAKAH hidung anda sering gatal-gatal, kerap bersin, berhingus dan berkahak, terutama

pada waktu pagi serta mata sering berair? Jika ya, segera berjumpa doktor untuk pemeriksaan rapi kerana anda mungkin menghadapi masalah resdung atau sinusitis.

Walaupun ia boleh dirawat, pengesanan penyakit peringkat awal akan memudahkan proses rawatan. Lagipun, resdung pada peringkat parah bukan saja memerlukan pembedahan, malah ia mungkin membawa kepada penyakit lain yang lebih serius seperti barah.

Masalah resdung berpunca daripada alahan terhadap habuk, kutu dan pijat atau makanan tertentu.

Kegagalan merawat alahan itu akan membawa kepada gejala resdung dan penyakit lebih berbahaya di dalam rongga sinus.

Daging atau dinding luar dan dalam hidung yang bengkak akan menyebabkan pergerakan udara serta pengeluaran cecair tidak berlaku secara normal.

Malah, jangkitan resdung boleh merebak ke bahagian otak dan mata yang akhirnya menyebabkan seseorang menjadi buta.

Untuk mengesan pesakit resdung, kaedah endoskopi digunakan yang mana tiub kecil dan sumber cahaya akan dimasukkan ke dalam lubang hidung sehingga ke rongga sinus. Ia membolehkan pemeriksaan lebih teliti dijalankan bagi mengetahui apa sebenarnya yang ada di dalam rongga sehingga membawa kepada gejala resdung.

Jika hingus di dalam ruang

Bahan yang dikeluarkan daripada ruang sinus akan dihantar ke makmal untuk pemeriksaan lanjut.

Sebanyak 90 peratus daripada alahan ini disebabkan apa yang ada di rumah seperti di bawah selimut, bantal, tilam dan binatang peliharaan. Di samping itu, setengah orang pula alah pada bedak herba, ubat-ubatan, buah-buahan seperti nanas, epal, tomato, badam dan lain-lain.

Bagaimanapun, resdung tidak berjangkit kepada orang lain menerusi bersin serta tidak diwarisi daripada ayah atau ibu kepada anak. Namun, masalah alahan boleh diwarisi secara genetik dan membawa kepada resdung apabila ia tidak dirawat dengan betul.



PERIKSA...kaedah endoskopi digunakan dengan memasukkan tiub ke dalam lubang hidung sehingga ke rongga sinus.

Kaedah atasi alahan

UNTUK mengatasi masalah alahan, amalkan petua berikut:

- Elak membela binatang berbulu dalam rumah seperti kucing, anab dan anjing
- Elak menggunakan kain selimut yang diperbuat daripada bulu binatang, sebaliknya gunakan selimut yang diperbuat daripada bahan sintetik (tiruan)
- Elak menggunakan tilam dan bantal yang diperbuat daripada bulu binatang. Selalu basuh sarung tilam dan bantal dengan air panas untuk membunuh pijat atau serangga dan membuang



SAYANG... jauhi pesakit resdung daripada haiwan peliharaan seperti kucing.

habuk sekurang-kurangnya dua kali seminggu

- Gunakan pembersih hampa gas yang baik dan mempunyai penapis baik
- Kurangkan penggunaan permaidani dan set sofa yang dibaluti kain atau bulu
- Untuk katil dua tingkat, pengguna katil di tingkat bawah perlu berhati-hati kerana anda menyedut segala habuk daripada tilam atas
- Selalu basuh barang permainan yang lembut
- Simpan pakaian di dalam almari yang tertutup
- Elak menggunakan tirai langsir yang berat dan banyak kain. Seandainya panel



LEPAK... elakkan berbaring di atas permaidani ketika berada di rumah.

penyaring nyamuk dipasang pada tingkap rumah, pastikan ia bersih

- Gunakan kain yang lembap untuk mengelap barangan alat perkakas rumah

- Amalkan pemakaian penutup hidung ketika mengemas rumah atau perabot
- Elak memakan makanan yang anda alah